

Terjemahan Pandang: Kombinasi Penterjemahan dan Kejurubahasaan

Oleh WAN HALIZAWATI WAN MAHMOOD

Terjemahan itu sifatnya mendekatkan atau merapatkan sesuatu yang sebelum ini berbeza. Manusia hidup dalam persekitaran kepelbagaian bahasa, budaya, norma, ideologi, fahaman dan pandangan hidup yang berlainan. Saban hari, perkara yang berlaku dan maklumat yang diperoleh sudah tentu tidak dapat dirasai oleh semua manusia di dunia dalam skala masa yang sama. Maka, kesinambungan perbezaan-perbezaan ini diatasi dengan sesuatu yang mendekatkan kita semua. Itulah fungsi dan peranan sebenar penterjemahan dan kejurubahasaan dalam kehidupan manusia.

Kedua-dua bidang tersebut berkembang mengikut peredaran masa. Terjemahan secara amnya dikaitkan dengan pemindahan maklumat secara bertulis manakala kejurubahasaan pula memindahkan maklumat secara lisan. Ada juga mod terjemahan yang berkembang seiring dengan peredaran teknologi. Mod ini banyak berkait rapat dengan konsep teknikal, iaitu penggunaan peralatan berteknologi seperti terjemahan audiovisual (sari kata, alih bahasa, alih suara, sari kata opera, *fansubbing*, audio deskripsi dan beberapa contoh yang lain). Kejurubahasaan pula banyak bermain dengan lisan atau suara dalam menyalurkan maklumat daripada bahasa A kepada bahasa B, dan boleh juga berlaku serentak dalam tiga suasana bahasa yang berbeza, iaitu daripada bahasa A kepada bahasa B dan kemudian dipindahkan pula ke dalam bahasa C. Antara contoh mod kejurubahasaan ialah kejurubahasaan di mahkamah, parlimen, persidangan, komuniti, perubatan, pelancongan dan banyak lagi.

Makalah ini memerihalkan mod pemindahan maklumat melalui gabungan terjemahan dan kejurubahasaan, iaitu terjemahan pandang. Istilah terjemahan pandang atau dalam bahasa Inggerisnya *sight translation* atau dikenali juga sebagai *prima vista* merujuk kepada pemindahan maklumat dengan membaca teks sumber secara senyap sambil memproses makna teks lalu pada masa yang sama memindahkan dan mengujarkannya ke dalam bahasa sasaran melalui penginterpretasian lisan agar difahami oleh pendengar sasaran. Dengan kata mudah, seseorang penterjemah atau jurubahasa pandang itu diberikan satu dokumen atau teks bertulis dalam bahasa A lalu diminta membaca dan memikirkan terjemahan teks tersebut dalam bahasa B. Sebagai contoh, seseorang diminta menandatangani satu dokumen perjanjian perubatan atau perundangan yang ditulis dalam bahasa A yang tidak difahami oleh orang tersebut kerana dia

hanya memahami bahasa B. Maka, seorang jurubahasa pandang membacakan dokumen bertulis tersebut dalam bahasa B supaya pihak yang menandatangani dokumen tersebut tahu dan faham tentang perkara atau terma yang akan ditandatangani itu. Kaedah terjemahan pandang juga memerlukan sinkronisasi pembacaan senyap bahan sumber dengan penghasilan makna sasaran secara lisan.

Memandangkan mod terjemahan pandang sangat mencabar berbanding dengan mod-mod kejurubahasaan yang lain, maka kebiasaannya teks asal diberikan kepada penterjemah atau jurubahasa terlebih dahulu (walaupun wujud juga keadaan yang tidak berpihak kepada jurubahasa) supaya persediaan rapi dapat dilakukan untuk memindahkan maklumat tersebut. Untuk rekod juga, terjemahan pandang tidak begitu meluas penyelidikannya berbanding dengan mod kejurubahasaan yang lain. Ciri-ciri kognitifnya masih

dalam penyelidikan. Lantaran itu, beberapa sarjana, pengkaji dan penyelidik juga mengakui betapa terjemahan pandang ini diabaikan dan tidak diterokai walaupun masih ada dalam kalangan mereka yang melakukan kajian dalam bidang ini. Kepentingan terjemahan pandang, keterbatasan sorotan literatur dan kajian-kajian lepas tentang mod ini menjadikannya sedikit terabai, manakala definisi dan varian terjemahan pandang juga masih belum diberikan pengertian yang jelas kerana masih dalam proses penerokaan dan penyelidikan.

Beberapa sarjana mengemukakan teori masing-masing berhubung pendefinisian terjemahan pandang. Herbert umpamanya, mencirikan terjemahan pandang sebagai interpretasi, manakala Pöchhacker (2004) mengelaskan mod terjemahan pandang ini sebagai interpretasi spontan dengan teks (*simultaneous interpretation with text*). Akhir sekali, Qin dan He menggunakan istilah interpretasi pandang (*sight interpreting*) untuk merujuk situasi seseorang yang menyampaikan maklumat dalam teks sumber itu secara lisan dalam bahasa sasaran berdasarkan transkrip bertulis dalam bahasa sumber. Disebabkan wujudnya kekangan masa dan ciri-ciri lisannya, maka terjemahan pandang juga dikira mempunyai persamaan dengan kejurubahasaan berbanding dengan penterjemahan.

Keperluan Terjemahan Pandang

Bahagian ini menjelaskan beberapa keadaan yang memerlukan kaedah terjemahan pandang. Secara asasnya, terjemahan pandang diperlukan dalam keadaan apabila wujud keterbatasan kemahiran

bahasa kedua. Persekitaran terjemahan pandang pula adalah berbeza mengikut jenis situasi kejurubahasaan, iaitu kejurubahasaan mahkamah, kejurubahasaan perubatan, kejurubahasaan komuniti dan sebagainya. Dalam kejurubahasaan komuniti umpamanya, khidmat terjemahan pandang sangat diperlukan, terutama apabila jurubahasa tersebut terpaksa berhadapan dengan bermacam-macam bahan bertulis seperti ucapan, kenyataan rasmi, kontrak, laporan, dan dokumen peribadi.

Dalam persekitaran undang-undang pula, contohnya di mahkamah, terjemahan pandang amat diperlukan untuk membantu defendan yang mempunyai pengetahuan bahasa kedua terbatas, atau menterjemah pernyataan bertulis saksi mahupun peraturan dalam prosiding mahkamah. Selain itu, terjemahan pandang diperlukan untuk menterjemah maklumat percakapan, keputusan mahkamah, dan laporan polis. Hal ini juga berguna apabila dokumen-dokumen dalam bahasa asing seperti sijil kelahiran, surat peribadi, dan dokumen pengenalan diri digunakan semasa prosiding tersebut.

Situasi lain yang memerlukan terjemahan pandang dalam bidang perubatan seperti borang persetujuan, laporan perubatan, persetujuan untuk rawatan perubatan, arahan pengambilan ubat-ubatan, dan dokumentasi kesihatan. Dalam persekitaran pendidikan pula, terjemahan pandang diperlukan untuk penjelasan berkaitan dengan hal ehwal pendidikan seperti polisi perpustakaan, borang kemasukan pelajar, laporan markah, transkrip pelajar, dan perancangan pendidikan. Begitu juga, situasi dalam urusan imigresen, politik,



Dalam bidang perubatan, kemahiran terjemahan pandang digunakan untuk laporan perubatan.

hubungan industri, perniagaan dan perdagangan seperti penyata kewangan dan kunci kira-kira juga memerlukan penggunaan kaedah terjemahan pandang.

Kemahiran yang Diperlukan

Seperti yang dijelaskan dalam bahagian sebelum ini, terjemahan pandang menuntut jurubahasa atau penterjemah memproses dan menterjemah makna teks asal dengan pantas dalam minda mereka semasa membaca bahan sumbernya. Mereka akan membaca segmen demi segmen, mengkonsepsikan unit makna dan mengujarkannya idea atau isi secara spontan dalam bahasa sasaran.

Secara umumnya, terjemahan pandang juga memerlukan kemahiran pengucapan awam, kemahiran menganalisis teks dan penukaran maklumat daripada

bahasa A kepada bahasa B secara pantas, dan mengelakkan strategi terjemahan kata demi kata. Lantaran itulah, jurubahasa atau penterjemah pandang digalakkan untuk menyimpan potongan-potongan maklumat (*chunks of information*) dalam ingatan jangka pendek sehinggalah mereka mampu membentuk dan meluahkan semula maklumat-maklumat tersebut dalam bahasa sasaran.

Hal yang paling menguja penulis tentang kepakaran jurubahasa atau penterjemah pandang ini apabila mereka berjaya mengujarkannya makna sasaran seolah-olah mereka sedang membaca dokumen yang sudah pun diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran. Situasi ini menandakan kemampuan mereka menyampaikan mesej dengan lancar tanpa sebarang keraguan, teragak-agak dan jeda (*pause*).



Perkhidmatan penterjemah diperlukan semasa prosiding di mahkamah.

Realitinya, terjemahan pandang sangat mencabar minda dan kemampuan penterjemah atau jurubahasa pandang. Hal ini diburukkan lagi jika mereka tidak diberikan teks atau dokumen asal sebelum melakukan terjemahan pandang, atau penterjemah itu sendiri tidak dapat melakukan pembacaan terkehadapan walaupun sudah diberikan teks asal.

Oleh hal yang demikian, untuk menghasilkan proses pemindahan makna yang lancar, jurubahasa atau penterjemah perlu memiliki kemahiran membaca terkehadapan dalam usaha untuk mengenal pasti kata kunci- dan unit makna. Selain itu, beberapa kemahiran lain perlu dimiliki oleh jurubahasa atau penterjemah pandang, iaitu:

- Memiliki pengetahuan yang luas dan kosa kata yang banyak tentang jenis dokumen yang diterjemahkan.
- Mempunyai kemampuan mengimbas dan menganalisis teks dengan pantas serta memahami isi-isi utama teks.
- Menginterpretasikan dengan tepat teks atau dokumen ke dalam bahasa sasaran.

Cabaran terjemahan pandang jurubahasa atau penterjemah pandang perlu memproses dan menterjemah makna teks asal dengan pantas dalam minda mereka semasa membaca bahan sumbernya. Atas sebab deskripsi sifat pekerjaan ini, maka akan ada cabaran-cabaran getir yang terpaksa dihadapi oleh mereka yang terlibat dalam bidang ini. Kata kognat palsu umpamanya,

akan memrangkap penterjemah untuk menghasilkan makna yang kabur atau mungkin silap dan tersasar daripada makna sebenar teks asal. Kata kognat palsu (*false cognates*) merupakan pasangan perkataan daripada dua bahasa yang sama rumpun atau berbeza rumpun yang kelihatan sama atau hampir sama dari segi ejaan, makna dan sebutan tetapi berbeza etimologinya. Contohnya, perkataan Sepanyol *pie* (bermaksud *foot* dalam bahasa Inggeris) dengan perkataan Inggeris *pie* sudah tentu tidak ada perkaitan langsung. Begitu juga perkataan Perancis *attendre* dengan perkataan Inggeris *attend* mempunyai makna yang jauh berbeza.

Cabaran penggunaan akronim juga ada kalanya menjadi kekangan kepada penterjemah dan jurubahasa pandang ini memandangkan ia boleh jadi akronim sebenar atau sekadar perkataan atau frasa biasa sahaja. Contohnya, RSVP sepatutnya bermaksud *Respond to Sender Via Post* dalam bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, dalam bahasa Perancis maksudnya ialah *please respond* atau *repondez s'il vous plait*. Begitu juga dengan

akronim *Cop* yang bermaksud *Constable on Patrol*. Akan tetapi *cop* dalam bahasa Inggeris boleh juga membawa maksud pegawai polis. Oleh hal yang demikian, disebabkan wujud persamaan kata kognat palsu ini, penterjemah dan jurubahasa pandang perlu memiliki sikap kepekaan yang amat tinggi untuk mengelakkan pelanggaran makna dalam terjemahan yang diberikan.

Cabaran lain adalah seperti wujud konsep budaya yang tidak ada dalam bahasa sasaran, kekangan masa, gangguan yang menghilangkan sifat fokus, pemahaman linguistik yang rendah, ketidakupayaan dalam pembacaan terkehadapan, dan kesilapan mentafsir semasa membaca teks sumber.

Realitinya, terjemahan pandang sangat mencabar minda dan kemampuan penterjemah atau jurubahasa pandang. Hal ini diburukkan lagi jika mereka tidak diberikan teks atau dokumen asal sebelum melakukan terjemahan pandang, atau penterjemah itu sendiri tidak dapat melakukan pembacaan terkehadapan walaupun sudah diberikan teks asal. Oleh hal yang demikian, kemahiran ini menuntut latihan yang rapi dan mencukupi serta pengalaman yang luas untuk mengendalikannya. Dari segi kemahiran terbaik yang perlu diterapkan, penulis berpandangan bahawa kedua-dua penterjemah atau jurubahasa perlu meramal dan melakukan imbasan untuk beberapa ayat terkehadapan sambil melakukan terjemahan pandang ayat demi ayat, selain menjadi seorang pembaca yang pantas. Mengambil pendekatan alah bisa tegal biasa, sudah pasti tugasan ini mampu membuahkan sesuatu yang bermanfaat untuk orang lain. **DB**